

Baca petikan di bawah. Kemudian , isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Hari ini hari Sabtu. Adi dan keluarganya melawat datuk dan nenek di kampung. Datuk Adi ada kebun. Kebun Datuk Adi sangat luas . Datuk Adi menanam pokok rambutan, pokok mangga dan pokok jagung.

Mereka bersama-sama membersihkan kebun datuk Adi. Ayah Adi menyabit rumput yang panjang. Bapa saudaranya pula mengait buah rambutan dengan menggunakan galah . Adi membantu datuk mengutip buah rambutan dan mangga yang gugur di atas tanah. Abang dan kakak Adi membawa bakul buah-buahan ke pondok kecil. Emak Adi mengupas buah rambutan, ibu saudaranya pula memotong buah mangga. Nenek Adi sedang merebus jagung di tepi pondok.

Apabila selesai, mereka berehat dan makan bersama-sama. Adi sangat gembira dapat pulang ke kampung kerana dapat melawat kebun datuknya.



1. Adi dan keluarganya melawat datuk dan nenek di kampung _____





2. Datuk Adi menanam pokok _____, _____ dan





3. Adi _____ datuknya _____ buah rambutan dan



mangga yang _____ di atas tanah.



4. Emak Adi _____ buah rambutan dan _____nya pula



_____ buah mangga.



5. Adi sangat _____ pulang ke kampung kerana dapat



_____ kebun datuknya